

06 DEC 1996

Mahathir-Saudi

PERBEZAAN KECIL TIDAK HARUS JEJASKAN KERJASAMA, KATA DR MAHATHIR

RIYADH, 6 Dis (Bernama) -- Malaysia dan Arab Saudi perlu meneruskan jalinan perpaduan Islam menerusi kerjasama praktikal di antara dan di kalangan negara-negara Islam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Perdana Menteri berkata perbezaan kecil antara kedua-dua negara dalam pemahaman dan amalan Islam tidak harus menghalang mereka daripada bekerjasama antara satu sama lain.

Malaysia terbuka kepada sebarang cadangan untuk membina perkongsian baru dengan Arab Saudi, sama ada dalam hubungan dua hala atau kerjasama pelbagai hala, katanya dalam ucapan pada jamuan negara yang diberikan oleh Putera Abdullah Abdul Aziz Al-Saud sempena lawatan rasmi empat hari Dr Mahathir ke negara itu.

Dr Mahathir berkata terdapat banyak bidang yang boleh diterokai untuk manfaat kedua-dua negara.

"Saya menekankan perkara ini kerana cabaran utama yang dihadapi semua negara membangun, sama ada negara Islam atau tidak, ialah meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyatnya," katanya.

"Ini sangat penting kerana kita menghadapi orde baru yang ternyata berat sebelah terhadap negara-negara Selatan, terutama negara Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata kedua-dua negara harus terus bekerjasama secara dua hala atau dalam konteks Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) untuk memastikan kejayaan matlamat mereka.

"Dengan berbuat demikian kita akan dapat membantu negara-negara Islam yang lain dalam pembinaan semula ekonomi," katanya.

Dr Mahathir menyifatkan hubungan antara Malaysia dan Arab Saudi sebagai erat dan bermakna yang wujud sebelum kemerdekaan Malaysia pada 1957.

Beliau berkata penubuhan OIC pada tahun 1971 yang beribu pejabat di Jeddah dengan bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Al-haj sebagai Setiausaha Agungnya yang pertama adalah hasil kerjasama bermakna antara kedua-dua negara itu.

Dr Mahathir dijadual menghadap Raja Fahd Abdul Aziz Al-Saud pada petang Sabtu.

Perdana Menteri juga dijadual menghadiri mesyuarat dan makan tengah hari bersama-sama anggota Majlis Dewan Perniagaan dan Industri Arab Saudi.

Pada hari Sabtu, Dr Mahathir, yang diiringi penasihat ekonomi kepada kerajaan Tun Daim Zainuddin dan lima menteri kabinet akan menemui beberapa pegawai kanan di sini. -- BERNAMA

ZKS AKD